

11 APR 2002

Mahathir-Islam/I

KEJAYAAN MENGURUSKAN MASYARAKAT MAJMUK PENCAPAIAN TERBESAR M'SIA, KATA PM

PETALING JAYA, 11 April (Bernama) -- Pencapaian terbesar Malaysia sejak kemerdekaan ialah kejayaannya menguruskan masyarakat majmuk di negara ini dengan Islam banyak menyumbangkan kepada kejayaan itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Di sini saya suka nyatakan yang keharmonian kaum di Malaysia berpunca kerana Islam dan kerana majoriti penduduk di sini beragama Islam," katanya.

Beliau berkata, kenyataan ini mungkin sukar diterima oleh ramai kerana Islam dan umatnya dikatakan tidak mampu turut seiringan dengan agama lain atau bangsa lain mahupun orang Islam daripada mahzab lain.

"Mereka dikatakan tidak rasional, keras kepala, dan tidak dapat memerintah dan membangunkan negara dan seringkali dikaitkan dengan keganasan. Bolehkah umat Islam di Malaysia menyumbangkan kepada keamanan dan keharmonian di kalangan rakyat yang begitu berbeza daripada segi kaum dan agama?," tanya beliau dalam ucapannya di Persidangan Tahunan Williamsburg ke 30 di sebuah hotel terkemuka di sini, malam ini.

Beliau berkata jawapan kepada persoalan ini ialah mereka boleh jika mereka menurut prinsip-prinsip Islam dan ajaran sebenar Islam.

Perdana Menteri berkata jika hari ini, Islam dan umatnya dilihat tidak mampu hidup aman damai dengan yang lain dan untuk mencapai kemajuan, ia bukan kerana ajaran Islam tetapi kerana ramai yang telah terpesong akidah dan kesetiaan umat telah diambil kesempatan untuk memperjuangkan agenda tersendiri.

Dr Mahathir berkata di Malaysia majoriti orang Melayu cuba berpegang kepada ajaran sebenar Islam dan bukan mengenai menjadi pelampau.

"Ajaran asas Islam menekankan persaudaraan umatnya, meminta masyarakat menerima hakikat yang dalam masyarakat manusia akan terdapat mereka yang menolak Islam, yang akan menyembah ikut cara mereka, bagi mereka akan terdapat agama yang berbeza daripada Islam," katanya.

Beliau menekankan yang Islam tidak minta permusuhan dengan bukan Islam kecuali apabila mereka menyerang orang Islam dan percubaan untuk berdamai mesti dilayan oleh orang Islam.

Sebagai umat Islam, orang Melayu di Malaysia lebih suka berpegang kepada ajaran sebenar Islam berbanding tafsiran yang dibuat oleh orang Islam dengan agenda politik tersendiri seperti pada masa lampau dan juga sekarang ini.

"Sebab itulah kita boleh menuntut yang Islam ialah punca keamanan dan keharmonian di Malaysia. Islam juga sebab penting di sebalik pembangunan pesat Malaysia," katanya.

Mengenai hal lain, Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia percaya pada hak asasi tetapi dalam menggunakan hak individu, hak majoriti tidak boleh dinafikan.

"Kami mengganggp adalah tidak wajar bagi individu dan minoriti untuk menggunakan hak mereka dalam cara yang boleh membawa kemusnahan. Hak asasi manusia mesti digunakan dengan penuh tanggungjawab bagi kepentingan masyarakat, ke arah mengekalkan kestabilan dan keamanan dan jika sesiapa tidak menunjukkan rasa tanggungjawab, maka beliau mesti melepaskan haknya itu," kata beliau.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak meminta maaf bagi pandangannya dan ia juga tidak setuju dengan sistem nilai-nilai asing yang hanya mementingkan bentuk tetapi bukan intipatinya.

Beliau berkata, keamanan adalah syarat penting bagi kemakmuran dan

mengekalkan keamanan ini memerlukan pengorbanan dan negara bersedia membuat pengorbanan itu kerana Malaysia tidak percaya dengan ideologi memusnahkan diri sendiri.

Mengenai globalisasi, Dr Mahathir berkata Malaysia nampaknya tidak bersetuju dengan globalisasi bukan kerana ia berkeras kepala atau hanya mahu menyukarkan keadaan.

"Kami percaya kami tahu masalah yang timbul mengikut pentafsiran sekarang ini akan globalisasi dan kami rasa kami punyai sedikit idea mengenai bagaimana mengurangkan kemusnahan terhadap negara-negara miskin yang disebabkan oleh globalisasi sementara menguntungkan negara-negara kaya," kata beliau.

Beliau berkata Asia dan Malaysia berhak membuat sesuatu mengikut cara tersendiri selagi majoriti rakyatnya mahukan cara itu.

"Kita akan ikut apa yang baik dari Eropah dan Amerika tetapi kita mesti ada kebebasan untuk memutuskan apa yang kita akan ikut. Mereka yang percaya dengan kebebasan, dalam hak asasi manusia dan dalam demokrasi mesti membenarkan kita menguruskan keseimbangan antara keamanan dan kemakmuran yang kita telah capai dengan sendiri selama ini," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SR HS PR